

Keuntungan sebelum cukai Scientex dalam suku kedua naik kepada RM81.83j

© 2017-03-23

KUALA LUMPUR: Keuntungan sebelum cukai Scientex Bhd pada suku kedua berakhir 31 Jan 2017 meningkat kepada RM81.83 juta daripada RM79.85 juta.

Pendapatan menokok kepada RM586.24 juta berbanding RM545.43 juta sebelumnya, didorong oleh segmen pembuatan yang telah meraih RM411.9 juta berbanding RM402.0 juta sebelum ini.

“Hasil direkodkan pada jumlah RM174.3 juta, melonjak sebanyak 21.5 peratus berikutan oleh jualan yang kukuh serta kemajuan dalam projek pembinaan,” kata syarikat itu dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia semalam.

Sementara itu, Scientex dalam satu kenyataan berasingan, berkata ia menjangkakan pertumbuhan dalam tahun kewangan berakhir 31 Julai 2017 akan dipacu oleh eksport perniagaan penggunanya yang diperbesarkan.

Pada penghujung Disember 2016, syarikat telah menyelesaikan pengembangan kilang pengeluaran filem ‘biaxially berasaskan polipropilena (BOPP)’ dan kilang filem acuan polipropilena (CPP).

“Kilang pengeluaran filem BOPP dan CPP sedang memperlihatkan kemajuan yang menggalakkan dengan pertumbuhan jualan daripada pasaran tempatan dan eksport.

“Kami tidak sabar untuk meningkatkan pengeluaran pada suku seterusnya, termasuk menyiapkan pelbagai proses kelayakan dengan rakan kongsi sedia ada, serta, mendapatkan pelanggan baharu,” kata Pengarah Urusan Lim Peng Jin.

Katanya, Scientex sedang berada dalam haluan bagi menyiapkan pengembangan kilang filem polipropilena (PE) dalam separuh kedua tahun 2017.

“Kapasiti pengeluaran filem PE kami sekarang ini telah mencecah 72,000 tan setahun daripada 60,000 tan setahun, dan akan mencapai sebanyak 84,000 tan setahun, selepas siap sepenuhnya.

“Ini akan memberikan kami kapasiti pengeluaran tambahan untuk mengekalkan pertumbuhan jangka panjang,” kata Lim. — Bernama